



FAKTOR-FAKTOR PENCEGAHAN FENOMENA *RELAPSE* DALAM KALANGAN PENGGUNA DADAH

(*The Factors to Prevent Relapse Phenomenon among Drug Users*)

Amran Idris^{1*}, Fuziah Shaffie², Saralah Devi Mariamdaran²

¹ Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010 Bukit Kayu Hitam, Kedah.

²Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010 Bukit Kayu Hitam, Kedah.

*Corresponding author: amranidris@pjg.gov.my

Received: 17 April 2020 • Accepted: 7 May 2020 • Published: 31 Oktober 2020

Abstrak

Artikel ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor untuk mencegah berlaku penagihan *relapse* dalam kalangan pengguna dadah. Pencegahan boleh dilakukan dengan beberapa faktor yang boleh mempengaruhi berlakunya relaps seperti faktor dalaman dan luaran seperti emosi negatif, tekanan sosial dan konflik interpersonal bermanfaat dalam penyediaan input asas kepada kaunselor dadah, ahli-ahli psikologi, pekerja sosial serta para pengubal dasar yang kini berhadapan dengan cabaran dalam memulihkan pengguna dadah. Penyelidik menjalankan kajian secara tinjauan dan temuduga dari bulan Mei hingga Julai 2018 di Pusat Koreksional Dungun semasa menjalankan intervensi pendekatan terapi realiti. Seramai 72 orang *relapse* telah dipilih sebagai responden kajian. Artikel ini disediakan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang boleh membantu bekas pengguna dadah bebas dari penyalahgunaan dadah semula. Keputusan kajian secara temuduga tidak berstruktur ini menunjukkan bahawa majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini berada dalam keadaan yang dinamakan sebagai ‘bersituasi berisiko tinggi’ untuk kembali *relapses*. Oleh itu, penekanan pengajaran tentang teknik dan strategi daya tindak menghindari diri pengguna dadah daripada penyalahgunaan dadah semula perlu diberikan penekanan utama khasnya kepada pelatih yang akan dibebaskan dari pusat pemulihan dadah sebagai persediaan menghadapi rintangan dan dugaan hidup yang mencabar setelah dibebaskan.

Kata kunci: Penyalahgunaan dadah, Pusat Koreksional Dungun, Pemulihan dadah, Faktor-faktor penyalahgunaan dadah.

Cite as: Idris, A., Shaffie, F., Mariamdaran, S.D. (2020). The Factors to Prevent Relapse Phenomenon among Drug Users. *Asian People Journal*, 3(2), 161-168.

PENGENALAN

Gejala penyalahgunaan dadah telah diklasifikasikan sebagai suatu jenayah yang melibatkan etika dan moral individu sehingga boleh mengacam ketenteraman awam. Oleh itu Modul Intervensi Pendekatan Terapi Realiti telah dibangunkan dan telah dipraktikkan kepada pengguna dadah yang menjalani hukuman di Pusat Koreksional Dungun. Berdasarkan aktiviti bersama bekas pengguna dadah yang menjalani hukuman di Pusat Koreksional beberapa faktor telah dapat dikesan yang telah mempengaruhi berlakunya penyalahgunaan gunaan berulang.. Terdapat beberapa faktor yang boleh memperlakukan berlakunya penyalahgunaan gunaan semula di kalangan pengguna dadah. Setelah bebas dari pusat pemulihan atau penjara bekas pengguna dadah perlu dipantau dari masa ke semasa untuk menghindari dari berlakunya penyalahgunaan dadah berulang dalam kalangan bekas pengguna dadah. Beberapa faktor yang dapat mengelak berlakunya penyalahgunaan dadah berulang iaitu diri pengguna dadah sendiri, keberkesanan program, keluarga, masyarakat dan institusi yang terlibat. Yahya (2000) dalam kajiannya mendapati peranan anggota masyarakat dan keluarga mempengaruhi kekerapan bekas pengguna dadah masuk pusat serenti. Aisyah (2017), dalam kajiannya telah meneroka penglibatan keluarga, cabaran dan strategi keluarga dalam mengendalikan bekas pengguna dadah dadah di Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Hasil kajian mendapati penglibatan keluarga merupakan satu proses penyesuaian bagi mengendalikan bekas pengguna dadah dadah. Keluarga juga menempuh cabaran dalam mengendalikan bekas pengguna dadah kerana pengaruh dalaman dan luaran. Bagi mengatasi cabaran tersebut, keluarga mempunyai strategi tersendiri iaitu membentuk intervensi psikososial yang terdiri daripada tingkah laku, personaliti dan persekitaran. Dapatkan kajian membuktikan keluarga perlu mendekatkan diri dengan bekas pengguna dadah bagi memotivasi mereka untuk meneruskan kehidupan. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan kefahaman dan intervensi keluarga bagi mengendalikan bekas pengguna dadah dadah.

Kekerapan masuk pusat pemulihan bermakna berlakunya penyalahgunaan dadah berulang. Dalam AADK (2013) faktor-faktor yang menyebabkan bekas pengguna dadah itu *relapse* ialah kerana mereka gagal memahami dan menerima hakikat bahawa penyalahgunaan dadah merupakan satu penyakit. Mereka membuat penafian terhadap kehilangan kawalannya, tidak jujur, keluarga yang tidak berfungsi, kurangnya program kerohanian, tekanan, pengasingan, penyalahgunaan dadah silang, sindrom, gejala pasca pengunduran, terlalu yakin, kembali kepada kawan lama serta rasa bersalah terhadap pengalaman lepas. Memandangkan faktor ketahanan diri merupakan faktor penting yang menyumbang ke arah kejayaan pemulihan bekas pengguna dadah untuk bebas daripada pengaruh dadah, maka kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah pemantapan ketahanan diri bekas pengguna dadah yang berusaha untuk pulih dan bebas sepenuhnya daripada pengaruh dadah. Hasil kajian dilihat mampu memberi input yang bermanfaat kepada pihak kaunselor pemulihan dadah, penggubal dasar dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang pemulihan dadah ke arah penyediaan modul ketahanan diri yang komprehensif untuk pengguna dadah pulih dan bebas daripada pengaruh dadah.

Peranan Bekas Pengguna Dadah

Penyalahgunaan dadah semula yang berlaku dalam kalangan pengguna dadah yang telah menjalani pemulihan berlaku disebabkan oleh sikap pengguna dadah itu sendiri yang tidak dapat bertahan dengan dugaan dan godaan. Perasaan rindu terhadap ketagihan dadah sering datang ke dalam fikiran mereka. Norazleen (2015) dalam kajiannya mendapati setiap pengguna dadah ada keinginan untuk berhenti namun keinginan semula atau dalam istilah pengguna dadah dipanggil “rindu” menyebabkan pengguna dadah akan menyalahgunaan dadah semula.

Perasaan rindu sememangnya tidak dapat dielakkan kerana tiada rawatan khas atau ubat-ubatan khas yang boleh digunakan untuk memulihkan pengguna dadah dadah. Pengguna dadah perlu memahami *relapse* untuk mencegah penyalahgunaan dadah semula. Beberapa maklumat yang boleh disampaikan adalah seperti maklumat umum terhadap penyalahgunaan dadah dan pergantungan terhadap dadah, kesan penggunaan dadah, pilihan-pilihan rawatan terhadap pengguna dadah dan gaya hidup bebas terhadap pengaruh dadah. Bekas pengguna dadah sendiri berhak untuk menentukan perjalanan hidup bebas dadah atau sebaliknya. Membebaskan diri dari dadah lebih berjaya sekiranya keinginan untuk berubah lahir dari hati pengguna dadah sendiri. Bekas pengguna dadah sendiri seharusnya memainkan peranan untuk memperbaiki diri dan juga mempunyai kesedaran serta keyakinan untuk menanggisi secara efektif ketagihan dadah.

Pengguna dadah yang ingin bebas daripada dadah perlu menghindari tekanan daripada masalah yang dihadapi seperti masalah peribadi, keluarga dan kerja. Kemurungan akan berlaku apabila tekanan emosi yang keterlaluan dan jalan yang paling mudah bagi menyelesaikan tekanan tersebut dengan mengambil kembali dadah untuk meringankan tekan yang dihadapi. Namun begitu pengambilan dadah tersebut memberi kesan sementara terhadap tekanan yang dihadapi. Oleh itu bekas pengguna dadah jangan terlalu memikirkan tentang keseronokan diri semata-mata dan perlu melihat masa depan sekiranya masih melibatkan diri dengan penggunaan dadah. Keseronokan untuk berhibur di tempat-tempat hiburan boleh mengundang kepada penyalahgunaan dadah. Sesetengah beranggapan bahawa peluang keseronokan hanya sekali dalam hidup boleh mengundang padah. Seharusnya bekas pengguna dadah mengelakkan diri mereka untuk berada di pusat-pusat hiburan yang boleh mendedahkan mereka kepada gejala penyalahgunaan dadah semula. Menurut Laporan AADK 2019, statistik penyalahgunaan dadah semula tahun 2018 seramai 2908 pengguna dadah telah menunjukkan bahawa masih ramai bekas pengguna dadah kembali menggunakan dadah disebabkan gagal mengekalkan diri bebas dari dadah. Tingkah laku manusia yang dilakukan berulang kali boleh dikaitkan dengan minat, hobi dan keseronokan. Berbeza dengan tingkah laku penyalahgunaan dadah berulang ini berpunca dari ketagihan dan lemah daya tahan. Pengambilan secara berterusan menunjukkan kadar kebergantungan individu tersebut terlalu tinggi.

Keberkesanan Program

Program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan atau swasta boleh memberi kesan yang besar kepada bekas pengguna dadah. Keberkesanan sesuatu program pemulihan dadah yang dirancangkan sebenarnya memberi kesan dan pengaruh terhadap kepulihan pengguna dadah. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu dilihat kurang mengaitkan konsep ketahanan dan keyakinan diri dengan program pemulihan dadah meskipun terdapat beberapa penemuan kajian yang berjaya mengenal pasti pengaruh program pemulihan ke atas kejayaan holistik meningkatkan ketahanan dan keyakinan diri bekas pengguna dadah. Menurut kajian yang dijalankan oleh Galanter, M (2006), program pemulihan dadah berbentuk agama atau spiritual hakikatnya membantu dalam membentuk ketahanan diri dan ciri-ciri personal pengguna dadah yang lebih mantap. Malah program spiritual dan agama juga dikenal pasti membantu memberi kekuatan kepada pengguna dadah untuk mengubah tingkah laku meninggalkan dadah. Kajian yang dijalankan oleh Fauziah I, Bahaman A. S, Nasrudin S, Kamaruzaman J, Mohd. Suhaimi M, Norulhuda S, Sheau T. C & Lukman @ Zawawi M. (2011) pula mendapat keseluruhan program pemulihan dadah di institusi menunjukkan hampir tiada perkaitan dan tidak signifikan dengan permasalahan penyalahgunaan semula dadah.

Keputusan kajian ini memberi gambaran bahawa program rawatan dan pemulihan dadah yang dikendalikan oleh pihak kerajaan untuk memulihkan pengguna dadah tidak menunjukkan pengaruh ke arah tingkah laku penyalahgunaan semula dadah dalam kalangan pengguna dadah. Kajian yang dijalankan oleh Kaur, Garnawat dan

Bhatia (2013) pula mendapati kaedah terapi melalui latihan yang berbentuk fizikal dalam program pemulihan dadah membantu mengatasi masalah kronik dalam diri individu seperti memulihkan masalah gaya berjalan dan juga memberikan semula keseimbangan yang telah hilang semasa mereka mengambil dadah. Manakala Roessler (2010) pula berpendapat latihan fizikal yang terkandung dalam program pemulihan dadah membantu pengguna dadah untuk lebih sensitif terhadap keperluan ketahanan diri, membantu membentuk imej diri yang lebih baik, mengurangkan tahap pengambilan dadah ketika proses rawatan sedang berjalan dan meninggalkan dadah apabila tamat proses rawatan dan pemulihan dadah. Program pemulihan dadah juga dilihat berjaya memberikan pelbagai kesan positif terutamanya kepada fizikal pengguna dadah itu sendiri termasuk kebaikan daripada aspek psikologikal dan juga kehidupan sosial mereka. Manakala berdasarkan buku panduan yang dikeluarkan oleh *National Institute on Drug Abuse* (2012) menunjukkan modul kekeluargaan dalam program pemulihan dadah mampu meningkatkan tahap motivasi dan ketahanan diri pengguna dadah untuk berubah dan bebas daripada pengaruh dadah.

Program-program berkaitan dengan pencegahan dan pemulihan dadah perlu dinilai keberkesanannya supaya dapat diperbaiki dan dimantapkan. Setiap kelemahan yang ada perlu diperbaiki supaya lebih baik dan bersesuaian dengan program pemulihan. Begitu juga dengan intervensi perlu mengikuti modul yang dirangka dan memenuhi matlamat. Sebagai contoh, kepakaran daripada institusi-institusi pengajian tinggi boleh diambil untuk menilai keberkesaan program-program dan intervensi tersebut.

Sokongan Keluarga

Keluarga memainkan peranan yang penting untuk membantu memulihkan pengguna dadah supaya dapat kembali ke pangkuhan masyarakat tanpa ada curiga. Sokongan yang diperlukan mencakupi penjagaan emosi, kasih sayang dan sikap mengambil berat semua ahli keluarga. Peranan yang dimainkan oleh keluarga boleh membantu bekas pengguna dadah bertambah yakin dalam meneruskan kehidupan dan dapat mengadaptasi diri mereka dalam masyarakat dengan penuh yakin. Sokongan keluarga akan memberi impak yang besar dalam usaha memantapkan ketahanan dan keyakinan diri seseorang pengguna dadah daripada kehidupan berisiko dadah. Keluarga merupakan orang yang paling dekat dengan bekas pengguna dadah dan boleh memantau pergerakan mereka. Mahmood Nazar Mohamed (2004), menyatakan bagi memastikan pengguna dadah tidak menyalahgunakan dadah semula, sokongan dan pembabitan keluarga dalam program pemulihan amat penting. Beliau dapati usaha memulihkan pengguna dadah lebih berjaya apabila keluarga memberi sokongan khususnya daripada ibu bapa dan adik-beradik. Kajian yang dijalankan oleh Ruhani, Abdullah dan Nor Ezdianie (2012) turut menjelaskan bahawa sokongan pada daripada ahli keluarga berupaya meningkatkan keyakinan dan ketahanan diri penggunaan dadah dalam menjalani program pemulihan dadah.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Brook, Whiteman and Gordon (2000) pula mendapati keluarga yang bermasalah dan tidak menyokong sepenuhnya mempengaruhi faktor pemulihan bekas pengguna dadah untuk bebas daripada pengaruh dadah. Sokongan yang tidak berbelah bahagi dari keluarga amat diperlukan untuk memastikan proses rawatan dan pemulihan berjaya diteruskan. Sikap keluarga seperti tidak mengambil peduli dan memulaukan bekas pengguna dadah yang telah berjaya boleh memberi impak negatif dan menjelaskan kepulihan dan seterusnya menggagalkan proses rawatan dan pemulihan seseorang pengguna dadah (Fauziah, 2012). Semakin tinggi sokongan keluarga terhadap bekas pengguna dadah, maka semakin rendah risiko seseorang bekas pengguna dadah yang telah pulih untuk mengambil semula dadah (Aquilino & Supple, 2001; Wills, Resko, Ainette & Mendoza, 2004). Manakala kajian yang dijalankan oleh Brown (2001) pula menjelaskan bahawa sokongan yang tinggi daripada semua pihak terhadap diri pengguna dadah akan membantu menjayakan program rawatan selepas

pemulihan. Hal ini kerana pengguna dadah yang telah terlibat dengan program pemulihan menunjukkan pengurangan dalam pengambilan dadah selepas enam bulan terlibat dengan program jagaan lanjutan (Brown, 2001). Kajian yang dijalankan oleh mereka juga turut mendapati bahawa terdapat perubahan ketara yang dilihat terhadap program terbabit selepas 12 bulan dijalankan. Bekas pengguna dadah yang mempunyai hubungan rapat dengan ahli keluarga menunjukkan kesan positif yang signifikan terhadap kejayaan diri mereka untuk pulih. Manakala kajian yang dijalankan oleh Fauziah I., Bahaman A. S., Mansor A. T & Mohamad S. S. (2009) pula mendapati sokongan yang lemah dalam kalangan ahli keluarga terhadap bekas pengguna dadah boleh memberikan impak negatif terhadap proses pemulihan dadah dalam kalangan pengguna dadah dan berpotensi tinggi untuk menjadikan mereka kembali menyalahgunakan dadah semula. Sokongan ahli keluarga memainkan peranan yang sangat penting bukan sahaja untuk membantu membentuk ketahanan diri pengguna dadah untuk bebas dadah malah mampu memastikan proses rawatan dan pemulihan dadah berjaya dilaksanakan sepenuhnya. Secara spesifiknya kedudukan dan fungsi keluarga perlu dimantapkan agar ianya lebih berkesan untuk melaksanakan proses sosialisasi nilai-nilai kehidupan yang asas kepada setiap individu.

Peranan Komuniti Setempat

Sokongan komuniti juga penting dalam usaha membantu memperkuuh ketahanan diri bekas pengguna dadah yang sedang berusaha untuk bebas daripada pengaruh dadah. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Azlan dan Mahmood Nazar (2009) mendapati bahawa masyarakat yang prihatin mempunyai pengaruh yang kuat dalam membendung penyalagunaan semula dadah dan juga menjelaskan bahawa bekas pengguna dadah dadah akan mengalami kesukaran dalam menjalani kehidupan normal apabila masyarakat memberikan pandangan serong, prasangka, diskriminasi dan pelbagai tindakan yang cuba untuk menyisihkan mereka daripada masyarakat umum. Malah Mohd Azlan dan Mahmood Nazar (2009) turut menjelaskan bahawa penolakan masyarakat dan anggapan bahawa bekas pengguna dadah dadah adalah sebagai penjenayah menyebabkan kehidupan bekas pengguna dadah yang berada di luar daripada pusat pemulihan menjadi sukar. Label negatif yang diberikan oleh masyarakat kepada mereka ini telah menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan telah mendorong mereka untuk melakukan aktiviti lama dengan mengambil semula dadah. Kajian yang dijalankan oleh Fauziah I., Ezarina Z., Salina N., Norulhuda S., & NorJana S. (2014) pula mendapati pengguna dadah dadah berhadapan dengan risiko yang tinggi berkaitan dengan stigma sosial masyarakat. Pandangan masyarakat terhadap pengguna dadah sebagai “golongan yang kurang berfungsi” memberikan kesan psikologi kepada pengguna dadah dadah sehingga menyebabkan kecenderungan pengguna dadah untuk kembali terjebak semula dengan masalah penyalahgunaan dadah (Fauziah et al., 2014).

Oleh demikian, wajarlah satu penilaian yang lebih menyeluruh dibuat dari semua aspek. Begitu juga dengan pihak yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan masalah tersebut agar satu pelan tindakan yang lebih komprehensif dan praktikal dapat dihasilkan. Secara spesifik juga berdasarkan kajian ini, peranan masyarakat setempat perlu digembelingkan untuk tujuan pengukuhan kehidupan bersosial dalam sesebuah komuniti. Masyarakat adalah penting sebagai satu mekanisme kawalan sosial dan sosialisasi kehidupan seseorang individu. Kajian-kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti tahap kejelekatan kehidupan berkomuniti serta mengenal pasti mekanisme untuk mengembalikan peranannya sebagai ‘penjaga’ setiap anggota masyarakat.

Komuniti boleh dibincangkan dengan lebih meluas meliputi semua lapisan masyarakat. Semangat kejiraninan yang tinggi dalam komuniti boleh membantu bekas pengguna dadah bebas dari tingkah laku penyalahgunaan dadah. Faktor hubungan antara bekas pengguna dadah dengan komuniti menjadi satu fenomena

penting kesan daripada ketidakcaknaan antara kedua-duanya. Komuniti setempat seharusnya mengambil tahu perkembangan bekas pengguna dadah yang dalam pemulihan supaya mereka dapat berinteraksi dengan baik dan membantu mereka dengan memberi sokongan dan dokongan. Dengan demikian komuniti patut dipersalahkan apabila bekas pengguna dadah yang berada dalam komuniti tidak diselamatkan daripada terlibat kembali dengan tingkah laku penyalahgunaan dadah. Sokongan yang sewajarnya dari komuniti dapat mengembalikan bekas pengguna dadah ke pangkuhan masyarakat (Wan Rafaei 2009). Dalam situasi ini komuniti sangat diperlukan untuk “menjaga tepi kain” bagi membantu bekas pengguna. Komuniti setempat perlu memberi kerjasama mencegah berlakunya penyalahgunaan dadah dalam komuniti mereka. Begitu juga dengan bekas pengguna dadah perlu mendapatkan bantuan dan sokongan dari komuniti untuk membantu mereka.

Peranan Institusi

Peranan beberapa institusi yang penting perlu dimantapkan supaya usaha mencegah penyalahgunaan dan pemulihan dadah akan lebih berjaya, terutamanya institusi kekeluargaan, masyarakat setempat, badan penguatkuasa dan pusat-pusat pemulihan. Kerjasama dari semua institusi ini akan dapat meningkatkan ketahanan diri bekas pengguna dadah untuk melawan dugaan dan cabaran untuk tidak kembali menyalahgunakan dadah. Noh Amit (2018) telah membuat kajian di *Cure and Care Vocational Center (CCVC)* dan *Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC)* berkaitan dengan kesediaan bekas pengguna dadah untuk memasuki pasaran pekerjaan. Peranan institusi penting untuk memberi kemahiran kepada pengguna dadah yang sedang menjalani hukuman di penjara atau pemulihan di pusat-pusat pemulihan. Dapatkan kajian menunjukkan pelatih mempunyai tahap yang tinggi dalam kesediaan untuk meningkatkan pengetahuan, kebolehan berdepan dengan situasi kerja dan motivasi untuk bekerja. Di sini jelas bahawa peranan institusi yang menjadi tempat pengguna dadah untuk pulih memainkan peranan yang penting untuk membentuk peribadi pengguna dadah ke arah yang lebih baik. Perancangan perlu dibuat oleh institusi bagi merangka program yang boleh memberi manfaat kepada bekas pengguna dadah. Komitmen yang tinggi dari agensi atau institusi boleh membentuk keperibadian bekas pengguna dadah lebih baik dan tidak terpengaruh dengan tingkah laku penyalahgunaan dadah.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melalui unit pemulihan menjalankan program ke atas klien yang telah dijatuhkan hukuman untuk menjalani pemulihan di dalam komuniti iaitu klien di bawah pengawasan. Tempoh pengawasan adalah selama 2 tahun atau 3 tahun yang mana mereka perlu mengikuti program-program pemulihan di AADK bersama Pegawai Pemulihan yang ada. AADK meliputi beberapa menu program dan kerohanian telah berhubung terus dengan klien yang sedang menjalani program pemulihan. Melalui cara ini AADK boleh memulihkan individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan mengekalkan kepulihan bekas pengguna dadah. Dengan peranan yang ada AADK telah membantu bekas pengguna dadah kembali kepada gaya hidup sihat tanpa dadah serta memperbaiki status kesihatan dan mengurangkan risiko kesihatan akibat tingkah laku penyalahgunaan dadah. Bekas pengguna dadah dapat memperbaiki status sosial dan integrasi individu untuk berfungsi secara produktif dalam keluarga, tempat kerja dan adaptasi dalam masyarakat.

Selain menjalankan pemulihan dalam komuniti, AADK juga mempunyai beberapa institusi yang menjalankan pemulihan dalam institusi seperti Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN), Klinik Cure & Care dan Cure & Care Service Centre (CCSC). Penubuhan institusi ini boleh membantu bekas pengguna dadah untuk tidak mengulangi aktiviti penyalahgunaan dadah. AADK telah memberi kelulusan kepada beberapa pusat pemulihan persendirian yang dikenali sebagai Pondok Inabah dan Pusat Baitul Taubah. Pusat ini menggunakan pendekatan secara spiritual dan psikologi. Berhanudin (2015) menyatakan bahawa pemulihan ini telah dijalankan dengan baik

di semua peringkat. Namun begitu, memerlukan sokongan dan kerjasama semua bagi menjayakan seluruh usaha yang dirancangkan. Pihak institusi yang berkaitan telah melakukan tugas yang diamanahkan dengan sempurna dan peranan bekas pengguna dadah pula untuk mengikuti setiap program yang dirancangkan untuk mereka. Sekiranya bekas pengguna dadah dapat mengikuti setiap program sekurang-kurangnya dapat membantu mereka untuk tidak mengulangi tingkah laku penyalahgunaan dadah. Oleh itu boleh mengurangkan berlakunya *relapse* dalam kalangan bekas pengguna dadah.

KESIMPULAN

Berdasarkan daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa punca utama berlakunya fenomena *relapses* dalam kalangan pengguna dadah dadah adalah disebabkan oleh diri pengguna dadah itu sendiri yang mempunyai kecenderungan berubah yang rendah bagi menepis godaan, rintangan dan cabaran hidup yang mendarat. Kebanyakan dalam kalangan mereka ini merupakan individu yang amat sensitif, mudah beremosi dan mudah menghadapi tekanan sosial daripada keadaan persekitarannya (Fauziah, 2008; Nazruel, 2000; Ruslina, 2004; Cummings, Gordon, & Marlatt, 1980). Kesan daripada sahsiah diri yang kurang mantap dan kurang berkeyakinan diri (Fauziah, 2008; Chuah, 1990) telah menyebabkan mereka mudah hilang pertimbangan dalam mengatur kehidupan yang lebih sejahtera serta bebas daripada dadah. Walaupun mereka beranggapan bahawa program pemulihan dadah yang diikuti sepanjang dua tahun berkesan dalam usaha membantu memulihkan mereka dari kesan dadah dan telah mendapat sokongan yang menggalakkan daripada rakan dan keluarga untuk bebas daripada dadah (Fauziah, 2008), namun perkara tersebut tidak berupaya menahan mereka daripada terus dibelenggu dengan masalah dadah setelah dibebaskan.

Tanggapan buruk seperti individu yang “tidak berguna” dan “sampah masyarakat” yang dilemparkan kepada mereka oleh masyarakat setelah melangkah keluar dari pusat pemulihan berupaya menyebabkan mereka sukar bergaul dengan masyarakat, menjadikan mereka semakin terasing, rendah diri, tersisih dan terasa dipinggirkan. Keadaan akan menjadi lebih buruk dan tegang lagi apabila usaha untuk mendapatkan pekerjaan di kalangan bekas pengguna dadah berhadapan dengan jalan buntu. Ini kerana kebanyakan majikan bersifat prejudis dan tidak yakin akan kebolehan diri mereka untuk bersama-sama membantu meningkatkan produktiviti negara. Hasil daripada kecenderungan berubah yang rendah dan perasaan tersisih akibat daripada pemulauan masyarakat dan keluarga telah menimbulkan konflik dalaman dan kecelaruan jiwa di kalangan diri pengguna dadah. Keadaan kekusutan inilah seterusnya yang mendorong mereka kembali semula kepada penghidupan lama (menyalahgunakan dadah) setelah mendapat kehidupan baru yang ingin dibina berhadapan dengan keadaan kesukaran dan cabaran yang penuh liku.

RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2004). Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. 2 Tahun 1998: Kurikulum/Kaedah Pelaksanaan Aktiviti Kaunseling di Pusat Serenti. Putrajaya.
- Aisyah Abdullah, (2017).,Satu Kajian Kes Tentang Penglibatan Keluarga Mengendalikan Bekas Penagih Di Negeri Sembilan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Atikah Ghazali. (1983). *Adab bermasyarkat dalam Islam melahirkan perpaduan umat*. Batu Cave: Pustaka Ilmi

- Berhanundin A, W. M. Yusof W. Chik, Norizan A. Ghani, Ahmad Faizol I.I & Zulkifli Mohd (2015)., *Dadah kemelut keluarga tangani ancaman*, Unisza, Kuala Terengganu.
- Brown Stephen J. (2001)., Networked system for interactive communication and remote monitoring of drug delivery.
- Fauziah I, Bahaman A. S, Mansor A. T & Mohamad S. S. (2009). Faktor Menyumbang Kepada Penagihan Relaps dalam Kalangan Penagih Dadah PUSPEN di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Agensi AntiDadah Kebangsaan*. ISSN 1823- 0865. Vol 5:235-251.
- Fauziah I, Bahaman A. S, Nasrudin S., Kamaruzaman J., Mohd. Suhaimi M., Norulhuda S, Sheau T. C & Lukman @ Zawawi M. (2011). The Effectiveness of Narcotics Rehabilitation Program in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*. 12:74-79. ISSN 1818-4952.
- Fauziah I, Khadijah A., Noremy M. A., Norulhuda S., Lukman @ Zawawi M., Mohd. Suhaimi M., Nasrudin S., Salina N. & Suzana M. H., (2012). *The role of family towards current adolescence challenges: Drug prevention and living without drugs*. The Social Sciences. 7(2):341-345. ISSN: 1818-5800. DOI: 10.3923/ sscience.2012.341.345
- Fauziah I, Salina N., Ezarina Z., Azmi A.M., Mohd Suhaimi M., & Chong S. T., (2013). Measuring Self-Esteem, Resilience, Aggressive Behavior and Religious Knowledge among Women Drug Inmates in Malaysia. *Pertanika J.Soc.Sci. & Hum*.21: 31-43
- Fauziah I., Ezarina Z., Salina N., Norulhuda S., & NorJana S. (2014). Pengguna Dadah Wanita di Malaysia: Pengalaman Penagihan dan Hubungan Kekeluargaan. *Jurnal Teknologi*. 67(1): 17-2
- Mahmood N. M. (2004). ‘Kumpulan Sokongan Keluarga, (Family Support Group, FSG) dan Pemulihan Berterusan’. Dalam Seminar Kesan Penagihan Ke Atas Keluarga. Hotel Dynasty, Kuala Lumpur
- Norazleen M. Nor (2015)., Kerinduan atau ketagihan terhadap dadah punca belia kecundang dan kembali menagih, Pre International Drug Prevention and Rehabilitation Conference, Universiti Tunku Abdul Rahman.
- Ruhani M. M., Abdullah M., & Nor Ezdianie O., (2012). Keperibadian dan sokongan sosial penghuni PUSPEN: Implikasi terhadap program pemulihan. *Jurnal Kemanusiaan*. 20 (1): 56-66
- Saralah M. D, (2013). Kesan Intervensi Psiko-Positif Terhadap Tingkah laku Agresif, Depresi dan Kecenderungan Berubah Penghuni Muda Penjara, Tesis PhD Universiti Utara Malaysia.
- Wan Rafaei, Mariam Adawiah Dzulkifli, Sharifah Rahah Sheik Dawood & Mardiana . (2009). Social Surport among Malay, Chinese and Indian Drug Addict In Malaysia.*Jurnal Agensi AntiDadah Kebangsaan*.